

Edisi APRIL-JUN

# BULETIN AS SOFA

EDISI APRIL - JUN 2023 / SYAWAL- ZULHIJAH 1445H



YAYASAN SOFA

مُؤَسَّسَةُ الصَّفَا بِمَالِيزِيَا



INTERCONTINENTAL  
KUALA LUMPUR

## Kunjungan Ulama'

SERIKAN IHYA' ZULHIJAH AS SOFA



Qurban Plus & Perkampungan Sunnah Di Rembau



Hari Bersama Pelanggan Pos Malaysia



Pilih Destinasi Kegemaran Melalui D'Suffah



Infaq Abadi As Sofa

EDISI APRIL - JUN

@yayasansofa



# CORETAN AS SOFA



## AZAM BAHARU, YANG LAMA BAGAIMANA?

### USTAZ MOHD HANIF BIN HAMID

Yang DiPertua Yayasan Sofa

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi atas limpahan Rahmat dan nikmat-Nya di mana kita masih diberi kesempatan dan berpeluang untuk bertemu lembaran tahun baharu Hijrah, tahun 1445H ini.

'Tahun baharu, azam baru'. Pasti ungkapan ini tidak lekang dibibir kita setiap kali memasuki tahun baharu. Tahniah, dan tidak salah untuk merancang azam baru dalam hidup. Malah, tanpa cita-cita mana mungkin seseorang itu akan berjaya.

Tapi bagaimana pula dengan azam kita yang lama? Perlu diingat, sebelum tanamkan azam baru, tanya pada diri, kenapa kita hendak capai azam baharu tersebut. Ini penting kerana untuk tahu tujuan dan matlamat azam baharu itu barulah ia benar-benar dapat direalisasikan.

Begitu juga dengan institusi As Sofa. Biar pun 15 institusi pendidikan Islam dan al Quran telah terbina selama 25 tahun meneraju pendidikan Ahli Sunnah Wal Jamaah di negara ini namun, ini bukan noktah dalam perjuangan ini.

Sebaliknya jauh lagi perlu diteruskan bagi mencapai misi dan visi As Sofa dalam melahirkan 3,000 huffaz al Quran pada 2025.

Segala kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa sokongan dan dokongan anda.

Terima kasih kerana sentiasa ada dalam memperjuangkan dakwah Islamiah di mana dakwah ini bukan sekadar disebarkan di dalam negara ini malah ke seluruh dunia, Insya-Allah.



SIDANG REDAKSI  
BULETIN AS SOFA

PENGASAS AS SOFA  
DATO' SYEIKH HAJI MUHAMMAD FUAD BIN KAMALUDIN

PENASIHAT  
MOHD HANIF BIN HAMID

PENGARANG  
MOHD SHAH BIN CHE AHMAD

WARTAWAN  
SITI NURAZLINEE BT AZMI

PEREKA GRAFIK DAN SUSUN ATUR  
NURUL NAQIBAH BINTI AZLI

Sebarang pertanyaan sila hubungi:  
Sidang redaksi Buletin As Sofa

Yayasan Sofa Negeri Sembilan  
Blok A-1-2, Jalan Dataran Central 1 Dataran Central,  
70200, Seremban Negeri Sembilan  
Tel: 06- 223 0133  
Email: pejabat@yayasansofa.com.my  
Website: www.yayasansofa.com.my



## LENSA AS SOFA



Sekitar majlis sambutan Maal Hijrah 1445 di As Sofa Rembau dihadiri warga kerja, pelajar dan masyarakat Islam setempat. Majlis dihadiri Pengasas As Sofa, Dato' Haji Muhammad Fuad Kamaluddin. Turut hadir menyerikan majlis adalah Ulama' Ahli Sunnah Wal Jamaah, Prof. Dr. Sayyid Abdul Wahhab al Tazi ibn al Hasan al Idrisi, Dr Sayyid Muhammad Al Mujaddidi Al Idrisi dan Dr Sayyid Muhammad Al Hasan Al Idrisi.

Pengajian Tahsin al Quran kepada pelajar Maahad Tahfiz dan Turath Rembau aliran tahfiz. Tahsin al Quran ini disampaikan oleh Ustaz 'Omar bin Abdul Rashid al Hafiz







**FOKUS AS SOFA**

# INFAQ ABADI, PELABURAN AKHIRAT

*“Jadikan infaq abadi sebagai pelaburan akhirat anda”.*

Itulah *tagline* yang dibawakan Yayasan Sofa pada tahun ini sekaligus memperkenalkan kaedah infaq terbaharu iaitu menerusi platform *online* iaitu secara *Direct Debit*.

Sehubungan itu, Yayasan Sofa menerusi Jabatan Korporat menyusun langkah memperkenalkan program terbaharu ini kepada masyarakat Islam di luar sana menerusi taklimat di sekolah, pejabat kerajaan dan swasta, agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk badan berkanun.

Taklimat tersebut bertujuan untuk menguar-uarkan mengenai projek Infaq Abadi menerusi potongan terus daripada akaun pemilik setiap bulan bagi menjayakan projek pembangunan Kompleks Islam As Sofa Mantau, Seremban Negeri Sembilan.

Menerusi Infaq Abadi ini, Yayasan Sofa mencari 3,000 umat Islam yang ingin menyumbang untuk menyelesaikan kos pembelian tanah bernilai RM3.2 juta di mana hanya RM30 setiap bulan bagi setiap penyumbang selama tiga tahun. Semoga setiap nilai yang dihulurkan untuk ahli al-Quran menjadi saksi di akhirat kelak.

**PENDAFTARAN INFAQ ANSURAN BULANAN ( DIRECT DEBIT ) WEBSITE**

- 1 Layari laman sesawang [yayasansofa.com.my](http://yayasansofa.com.my)
- 2 Pilih Infaq Ansuran Bulanan
- 3 Pilih Amana Infaq Ansuran Bulan  
RM100
- 4 Isi bulan bermula ansuran bulanan  
3 pilihan : selepas 1 bulan  
                  selepas 2 bulan  
                  selepas 3 bulan
- 5 Pilih tarikh bayaran bulanan  
1  
2 (Contoh: 7 hariibulan atalalah  
3 tarikh infaq pada setiap bulan)
- 6 Isi maklumat Pembayar
- 7 Pilih kad kredit atau debit dan isi maklumat keselamatan kad bank
- 8 Tekan **BAYAR** dan anda telah **BERJAYA!**



## **LIMPAHAN MAJLIS ILMU, ZIKIR SERIKAN SAMBUTAN IHYA' ZULHIJJAH AS SOFA**

Bulan Zulhijjah adalah bulan yang dinanti-nantikan warga As Sofa kerana selain ibadah Qurban Plus yang diadakan di As Sofa Rembau, pelbagai aktiviti dan penganjuran majlis ilmu turut diadakan setiap tahun.

Namun, sambutan Ihya' bulan Zulhijjah pada tahun ini lebih bermakna dengan kehadiran ulama dunia berketurunan Rasulullah SAW iaitu Prof. Dr. Sayyid Abdul Wahhab Al Tazi Al Idris. Kehadiran beliau sememangnya dinanti-nantikan bukan saja dalam kalangan

warga kerja As Sofa malah daripada pelajar, pendidik dan pencinta ilmu.

Kira-kira 2,000 hadirin yang datang bagi memeriahkan sambutan bersama ulama' Ahli Sunnah ini. Antaranya dengan mengadakan Majlis Perasmian Institut Imam Ahmad Ibn Idris dan Pecah Tanah Surau Imam Ahmad Ibn Idris.

## **MAJLIS PELANCARAN SURAU IMAM AHMAD IBN IDRIS**

Tanggal 17 Jun 2023 bersamaan 28 Zulqaedah 1444h melakar satu lagi tarikh penting dalam lipatan sejarah As Sofa, apabila satu lagi mercu tanda baharu bakal di bina di Bukit Sembilan, Rembau, Negeri Sembilan.

Bermula dari tanah kosong, kini telah terbina megah Sekolah Tinggi Islam As Sofa yang telah melahirkan ratusan Huffaz al Quran dan ahli ilmu.

Kini satu lagi pembinaan akan dibangunkan di sini iaitu Surau Imam Ahmad Ibn Idris RA. Telah berlangsung dengan jayanya Majlis Pecah Tanah Surau Imam Ahmad Ibn Idris RA

baru-baru ini. Lebih istimewa, majlis disempurnakan oleh ulama' Ahli Sunnah Wal Jamaah dunia, Prof Dr Sayyid Abdul Wahhab al Tazi Ibn al Hassan al Idrisi yang juga merupakan cicit Rasulullah SAW.

Surau yang dibangunkan ini akan menjadi tumpuan penuntut di sini untuk diimarahkan dengan majlis ilmu, bacaan zikir, sambutan hari kebesaran Islam dan banyak lagi.

Semoga Allah SWT memberkati usaha membangunkan surau ini seterusnya dipermudahkan dan berjalan dengan lancar.





## AKTIVITI AS SOFA

# 3000 TERIMA MANFAAT KORBAN PLUS AS SOFA

"Alhamdulillah, tahun ni dapat merasa daging korban.

Subhanallah, ucapan ringkas, tetapi sangat mendalam. Sayu hati kami dengar kata-kata penghargaan dan terima kasih daripada penerima tahun ini.

Sehingga ada yang mengalir air mata ketika menerima daging ini. Mungkin sebungkus daging ini kecil bagi kita, tetapi bagi golongan memerlukan ia sangat berharga dan tidak ternilai.

Pada tahun ini, sebanyak 28 ekor lembu dan 11 ekor kambing dikorbankan, di mana dianggarkan seramai 3,000 penerima di seluruh Negeri Sembilan dan Lembah Klang mendapat manfaat daripada Qurban Plus 1444H.

Daging sembelihan juga turut diagihkan kepada golongan asnaf, pelajar tahfiz, anak yatim fakir miskin dan golongan memerlukan yang dikenal pasti.

Itulah indahnya Qurban Plus anjuran Yayasan Sofa saban tahun. Semoga setiap korban yang dilaksanakan memperoleh keberkatan daripada Allah SWT.

*"Besarkanlah binatang korban kamu sekalian kerana sesungguhnya ia adalah tunggangan kamu sekalian di atas titian sirat."*







## HARI BERSAMA POS MALAYSIA



Pos Salak Selatan



Pos Bukit Angkasa



Pos Klang Utara

Pada 6 Julai lalu, warga kerja Yayasan Sofa turun padang bersama-sama Pos Malaysia Sdn Bhd bagi menjalankan aktiviti Hari Bersama Pelanggan (HBP) Pos Malaysia di seluruh negeri.

Pastinya ia menjadi lakaran kenangan buat warga kerja Yayasan Sofa kerana ini adalah kali pertama menyaksikan sendiri kemeriahan HBP di cawangan Pos Malaysia di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Johor, Kedah, Pahang dan beberapa lokasi lagi.

HBP yang diadakan ini bertujuan untuk mempromosikan produk Yayasan Sofa di Pos Malaysia yang digelar Waqaf As Sofa merangkumi Waqaf al-Quran, Waqaf Tahliil dan Waqaf 6P.

Semoga kerjasama antara Yayasan Sofa dan Pos Malaysia ini akan menjadi 'tapak' kepada masyarakat Islam dalam negara ini untuk melakukan amal jariah.





## KEJAYAAN PELAJAR AS SOFA DALAM SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2023



Sambutan Hari Raya Aidilfitri di institusi pendidikan tahfiz As Sofa bersama keluarga pelajar menjadi antara program yang dinanti-nantikan oleh pelajar tahfiz.

Terdapat banyak aktiviti yang diadakan sepanjang bulan April dan Mei lalu. Antara aktiviti yang diadakan termasuk program *Live* buka puasa bersama pelajar tahfiz masing-masing di 14 institusi pendidikan Tahfiz As Sofa. Menerusi *Live* penonton dapat melihat sendiri suasana majlis berbuka puasa di mana turut membabitkan sumbangan orang ramai untuk pelajar menerusi program Jom Buka.



Seramai 50 pelajar tahfiz As Sofa diraikan dalam majlis Takrim Huffaz; pengiktirafan buat ahli al-Quran. Majlis yang diadakan di Rembau pada Ramadan lalu bertujuan mengiktiraf kejayaan mereka yang berjaya menghafal 30 juzuk al-Quran seterusnya dapat dijadikan contoh kepada pelajar dan umat Islam lain untuk bergelar huffaz.



## BEDAH KITAB

Kitab : **KELEBIHAN 10 TERAWAL ZULHIJJAH & HARI ARAFAH**  
Penerbit : **Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Sofa Production Sdn Bhd**  
Pengarang : **Sofa Production / Prof. Dr. Mus'ab Al Khair Idrisi**  
Harga : **RM15**

**Sinopsis :**  
Buku ini adalah mempunyai pengisian penting yang membongkar rahsia disebalik 10 terawal Zulhijjah dan Hari Arafah. Selain dapat mengukuhkan pengetahuan berhubung kemuliaan bulan Zulhijjah terutama pada 10 hari terawal, buku ini turut mengandungi amalan sunat yang boleh dilakukan sepanjang bulan Zulhijjah di mana ia bersandarkan kepada Ahli Sunnah wal Jamaah.



Sekiranya berminat, boleh dapatkan melalui pembelian terus di  
**KEDAI BUKU SOFA PRODUCTION SDN BHD**  
B-2-1, Jalan Dataran Sentral 2, 70200 Seremban, Negeri Sembilan

Hubungi  
Encik Affan **019-695 4456**  
untuk tempahan.



# D'SUFFAH TRAVEL @ TOUR



## PILIH DESTINASI KEGEMARAN MELALUI D'SUFFAH TRAVEL & TOURS

D'Suffah Travel & Tours menyediakan destinasi pilihan untuk anda tuju di mana pilihan utama yang disediakan adalah pakej umrah. Tiga pilihan yang disediakan D'Suffah Travel & Tours ialah Gold, Platinum dan Emerald.

Paling menarik, setiap pakej yang terdapat dalam agensi pelancongan ini menyediakan penginapan yang dekat

dengan Masjidil Haram malah turut disediakan ialah bas persendirian di Tanah Suci Mekah demi menjaga keselesaan jemaah.

Jom, nikmati umrah anda dengan tenang menerusi pilihan pakej D'Suffah Travel & Tours di mana destinasi umrah anda turut merangkumi ziarah tempat menarik dan bersejarah.



Untuk maklumat lanjut :-  
DP-2-02A, JALAN 16A, DESA PERMAI, TAMAN DATO' AHMAD RAZALI, AMPANG, MALAYSIA  
011-1600 3817  
DSUFFAHTRAVEL@GMAIL.COM